

Tindakan pembangkang disifatkan penderhakaan

BH 26 OCT 2000

KUALA LUMPUR, Rabu — Tindakan Ketua Pergerakan Pemuda Parti Keadilan Nasional (Keadilan), Mohamed Ezam Mohd Noor memburukkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan pemimpin lain di luar negara, dianggap sebagai penderhakaan terhadap negara.

Naib Presiden Umno, Datuk Seri Najib Tun Razak yang menyifatkan tindakan itu sebagai tidak wajar kerana ia menemarkan imej negara.

“Mohamed Ezam dan rakannya memang ada strategi mengaitkan negara asing untuk mendapat simpati bagi menambahkan tekanan antarabangsa ke atas Malaysia.

“Pendirian kita jelas... kerana ia adalah soal dalaman, kita tidak akan terima sebarang campur tangan asing serta tekanan mana-mana pihak,” katanya di Kementerian Pertahanan, hari ini.

Najib yang juga Menteri Pertahanan berkata, soal dalaman negara perlu diselesaikan berdasarkan undang-undang dan perlembagaan negara.

Beliau mengulas laporan akhbar mengenai pengakuan Mohamed Ezam yang menjalankan kempen memburukkan pemimpin negara di Amerika Syarikat (AS) dan Eropah.

Mohamed Ezam ketika berucap di Alor Star semalam, dilaporkan sebagai berkata: “Memang benar, kerja saya di Amerika Syarikat dan Eropah baru-baru ini ialah untuk menyatakan keburukan Perdana Menteri Malaysia”.

Sementara itu, Ketua Pergerakan Pemuda Umno, Datuk Hishammuddin Tun Hussein berkata, pengakuan itu adalah satu tindakan mengecewakan oleh seorang pemimpin muda.

“Tindakan mereka sanggup memburukkan nama negara dan pemimpin, saya anggap penderhaka kepada negara,” katanya selepas melancarkan logo Sukan Mendaki Asia Ke-9 di kementerianinya di sini, hari ini.

Dalam majlis sama, beliau menyerahkan Jalur Gemilang kepada ketua kontingen negara pada sukan itu, Azman Ahmad.

Sukan Mendaki Asia Ke-9, julung kali diadakan di Malaysia, akan berlangsung di Stadium Velodrom Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) di Cheras, 24 November ini.

Mengulas cabaran Mohamed Ezam supaya pihak berkuasa mengambil tindakan berikutan pengakuannya itu, Hishammuddin berkata, rakyat dapat menilai cabaran dibuat oleh Ketua Pemuda Keadilan itu.